

15/05/2003

Pengawet semula jadi tempatan dapat sambutan

Manzaidi Mohd Amin

GOLD Carbon (M) Sdn Bhd (Gold Carbon), pengeluar pengawet semula jadi Seafresh yang mampu menyegarkan hasil tangkapan laut, menasarkan mengeluarkan 200,000 unit produk itu untuk pasaran tempatan tahun ini.

Syarikat itu juga sedang melaksanakan pelbagai usaha untuk mengeksport produk berkenaan ke negara Asia Tenggara lain mulai tahun depan.

Seafresh, cecair yang dihasilkan 100 peratus daripada tumbuhan dan buah-

buah tempatan mula memasuki pasaran Januari lalu, selepas menerima tempahan beberapa agensi Kementerian Pertanian.

Pengerusi Gold Carbon, Prof Datuk Dr Nik Mohd Zain Nik Yusof, berkata pihaknya mengambil masa dua tahun mengkaji bahan itu termasuk membelanjakan hampir RM1 juta bagi penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Katanya, kajian dilakukan sepasukan pakar dari Jepun dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Pusat Racun Negara, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) dan Sirim Bhd.

"Seafresh didapati mampu memanjangkan tempoh kesegaran, rupa bentuk, mutu dan keenakan isi ikan, sotong serta udang sehingga dua minggu lamanya.

"Sehingga ini permintaan Seafresh dari kalangan nelayan dan peniaga ikan amat menggalakkan sejak diperkenalkan di tapak ekspo sempena Persidangan Pertubuhan Negara-Negara Berkecuali (NAM), di Kuala Lumpur, Februari lalu.

"Seafresh turut mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika melawat gerai kami di ekspo itu," katanya kepada Berita Harian, di Kota Bharu, kelmarin.

Cetusan menghasilkan Seafresh dibuat selepas Gold Carbon menyedari peratusan kerosakan hasil tangkapan laut agak tinggi dan perlu diatasi bagi mengelak nelayan menanggung kerugian.

Dr Nik Mohd Zain, berkata kerosakan itu bukan saja menjejaskan pendapatan nelayan, tetapi turut memberi kesan kepada pendapatan negara menerusi industri perikanan.

Gold Carbon yang diperbadankan September 2001, adalah milik penuh Bumiputera, dengan 60 peratus sahamnya dikuasai tiga usahawan wanita dari Kelantan.

Beliau memberi jaminan Seafresh selamat digunakan termasuk sebagai minuman kerana bebas daripada bahan sintetik dan diproses 100 peratus menggunakan organik.

Katanya, bahan itu juga diuji oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)

di Pusat Pendaratan Ikan Chendering, Kuala Terengganu yang turut disertai

pegawai dari Pusat Pengurusan Kuarantin Ikan dan Kawalan Kualiti, Jabatan

Perikanan Terengganu, pertengahan Mac lalu.

"Mereka memberi keputusan positif selepas ujian dilakukan dan ini meyakinkan kita untuk memperluaskan pasaran ke peringkat Asia Tenggara pada tahun akan datang," katanya.

Beliau berkata, dengan adanya Seafresh, ia secara tidak langsung dapat membantu mengatasi kerosakan hasil tangkapan laut yang sebelum ini menjadi masalah kepada nelayan.

"Penggunaannya mampu memberi pulangan tinggi kepada nelayan seiring mutu hasil tangkapan menerusi kemajuan dalam industri perikanan negara," katanya.